

CNS8916

R GB 10-01 00152 BA893

bah

MALAYSIA RUGI KERANA RAKYAT' TERLALU SENSITIF DENGAN PASARAN SAHAM ASING  
Mahathir - Saham

I

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas rakyat Malaysia kerana terlalu sensitif dengan perkembangan pasaran saham luar negara, menyebabkan syarikat-syarikat Malaysia yang disenaraikan di bursa saham mengalami kerugian.

Sambil menyatakan bahawa rakyat Malaysia 'menjadi mangsa kepada sikap buruk sendiri, Perdana Menteri berkata harga saham syarikat-syarikat Malaysia terus berada di paras yang rendah walaupun keseluruhannya berprestasi baik.

Beliau bertanya mengapa rakyat Malaysia harus melihat pasaran saham di luar negara sedangkan ekonomi negara adalah baik.

+Memanglah, kita bimbang (mengenai perkara ini) kerana ia melesapkan jumlah modal yang besar.

+Setiap kali pasaran saham jatuh menjunam, ia menjejaskan banyak modal tanpa sebab, kita yang rugi,+ kata Perdana Menteri pada persidangan akhbar selepas merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga di sini.-- Lagi.

♥10/01/15-39MST

CNS8929

R GB 10-01 00143 BR896

bah

Mahathir - Saham 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir bertanya: +Mengapa kita harus terikut dengan perkembangan di Wall Street sedangkan kita tahu ekonomi kita baik?+

Perdana Menteri berkata baru-baru ini Cycle and Carriage mengumumkan keuntungan besar, tetapi apa yang menyedihkan saham-sahamnya jatuh keesokan harinya kerana harga saham di New York jatuh.

+Ini bukan salah orang lain, salah kita sendiri+, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pemegang saham di negara ini lebih terpengaruh dengan perkembangan di pasaran saham di New York dan Tokyo daripada bergantung kepada prestasi syarikat-syarikat Malaysia.

Sekiranya harga saham di New York jatuh, maka harga saham syarikat-syarikat Malaysia yang terbaik di sinipun turut jatuh, katanya.

Beliau juga berkata beliau tidak faham bagaimana harga saham dan nilai mata wang negara-negara yang ekonominya buruk boleh naik. -- Lagi.

♥10/01/16-01MST

CNS9186

R GB 10-01 00120 BH173

a a b

Mahathir - Saham 3 (akhir)Kuala Lumpur

Sebaliknya, Malaysia yang menikmati pertumbuhan ekonomi yang membanggakan sebanyak lapan peratus setahun dan hampir keseluruhan syarikatnya membuat keuntungan terpaksa mengalami kejatuhan harga saham +sekiranya harga saham di Pasaran Saham New York jatuh+.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata sekiranya pelaburan syarikat-syarikat Malaysia didasarkan kepada prestasi dan dividen, sudah tentu saham-saham tempatan akan mendapat harga yang tinggi.

Katanya, rakyat Malaysia sehirusnya menyalahkan diri Sendiri kerana membiarkan perkembangan pasaran asing mempengaruhi pertimbangan mereka.

+Kita tidak boleh salahkan orang lain, 'sungguhpun kita lebih suka menyalahkan orang.Saya salahkan kita sendiri. Mengapa kita kena ikut apa yang berlaku di Wall Street,+ kata Perdana Menteri. -- Bernama

♥10/01/19-28MST

▲

